



## TEKS UCAPAN PERUTUSAN KHAS

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1443H / 2022M  
RAKAMAN PADA 28 APRIL 2022 (KHAMIS) JAM 10:00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Rakyat Pulau Pinang yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Saya dan Toh Puan mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada umat islam serta semua rakyat Negeri Pulau Pinang amnya.

2. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana pada tahun ini kita dapat beraya bersama-sama keluarga di kampung halaman.

Sebagaimana kita sedia maklum, fasa pandemik Covid-19 kini sudah beralih ke arah fasa endamik. Sebagai gaya hidup baru, maka kita harus belajar untuk menyesuaikan diri dalam tempoh bersama dengan virus Covid-19 ini.

3. Sehubungan itu, marilah sama-sama kita merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Melalui kerjasama antara Agensi-Agensi Kerajaan serta pelaksanaan dasar-dasar dan program yang berkenaan, kita telah berjaya mengekang dan me-mi-ni-mumkan penyebaran wabak Covid-19. Kerajaan bersama-sama penjawat awam telah bertungkus lumus memastikan kita semua sentiasa berada dalam keadaan sihat bagi meneruskan kehidupan seharian.

4. Kita juga tidak melupakan usaha, bantuan dan sokongan yang diberikan oleh badan NGO, syarikat korporat dan individu perseorangan kepada kerajaan dari segi kewangan dan barang-barang keperluan dalam membantu rakyat. Seterusnya kita tidak lupa kepada semua warga Malaysia dan rakyat Pulau Pinang khususnya yang sentiasa sabar dan tabah menghadapi tempoh ujian pandemik ini.

Kepada muslimin muslimat, ahli keluarga, sahabat handai yang telah pergi terlebih dahulu akibat wabak ini, kita doakan agar mereka semua ditempatkan bersama-sama orang yang beriman dan beramal soleh.

Rakyat Pulau Pinang yang dikasihi sekalian,

5. Bulan Syawal kini menjelma dan Ramadan telah berlalu meninggalkan kita. Kita telah meninggalkan bulan yang sentiasa dirindui dan dipenuhi dengan keberkatan serta dianjurkan oleh agama kita untuk beramal ibadat, dengan kemuncaknya pada Malam Lailatul Qadar, iaitu satu malam yang lebih baik dan lebih besar ganjarannya daripada amalan selama seribu bulan.

6. Saya bersyukur melihat umat Islam di Negeri ini berlumba-lumba mengerjakan amal ibadah dan kebajikan, tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya. Masing-masing merebut peluang di bulan Ramadan ini yang Allah SWT telah janjikan ganjaran yang berlipat kali ganda, antaranya, keampunan, kerahmatan, dibuka pintu-pintu syurga dan dimakbulkan doa padaNya.

7. Begitu juga kepada sahabat-sahabat kita yang berbilang bangsa yang telah turut sama menderma kepada golongan-golongan yang memerlukan. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua mereka yang sudi membantu golongan miskin diseluruh pelusuk negeri.

8. Semua umat Islam, tidak kira di mana mereka berada, pasti akan merindui bulan Ramadan yang telah berlalu pergi, semoga kita dapat bertemu lagi pada tahun hadapan, Insha Allah.

Rakyat Pulau Pinang yang saya kasihi sekalian,

9. Hari Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan kita umat Islam semua, setelah sebulan kita melawan hawa nafsu, menahan diri dari makan dan minum, beribadah solat tarawih di malam hari, membaca dan menghayati al-Quran. Di antara amalan sunat pada hari yang mulia ini adalah mandi sunat Hari Raya, menjamah makanan sebelum keluar, memperbanyakkan takbir sama ada di rumah dan masjid, memakai pakaian terbaik, ziarah menziarahi dan melakukan amalan sedekah. Semasa meraikan Hari Raya ini, suka saya mengingatkan semua agar sentiasa menjaga SOP yang ditetapkan.

Adalah wajar kita mengambil langkah berhati-hati dalam melaksanakan aktiviti harian dan amatlah penting untuk kita memastikan kita dan keluarga kita kekal selamat.

10. Alhamdulillah, bagi rakyat negeri ini khususnya, kita dapat menyambut Aidilfitri dengan aman, gembira bersama keluarga, sanak saudara, dan jiran tetangga. Saban tahun, sepanjang Bulan Syawal dimeriahkan lagi dengan sambutan rumah terbuka dan jamuan hari raya. Saya menyeru agar semua rakyat meraikannya dengan penuh kesyukuran dan bersederhana dalam menyediakan persiapan dan juadah raya. Dan marilah juga kita gunakan perayaan ini untuk memupuk semangat harmoni dan perpaduan bagi negeri kita yang berbilang bangsa ini.

Rakyat Pulau Pinang yang dikasihi sekalian,

11. Dalam kita bergembira menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, janganlah kita lupa kepada golongan fakir dan miskin. Bulan Ramadan telah mendidik jiwa kita ke arah belas kasihan kepada golongan ini. Mereka juga adalah merupakan saudara kita dan berhak untuk bergembira pada hari raya ini.

Ibnu Abbas Radiallahu 'Anhu ada menceritakan :

*Rasulullah SAW adalah orang yang paling dermawan. Dan beliau lebih dermawan lagi di bulan Ramadan saat beliau bertemu Jibril. Jibril menemuinya setiap malam untuk mengajarkan al-Quran. Dan kedermawan Rasulullah SAW melebihi angin yang berhembus.”*

(Hadis Riwayat Muslim).

12. Melalui pentar-biyahan Madrasah Ramadhan, sifat dermawan yang dilatih dan dididik perlulah dijadikan sebagai amalan berterusan. Di kesempatan ini, dengan kesinam-bungan momentum Ramadhan yang masih kekal, saya menyeru masyarakat Negeri ini khususnya, untuk memperbanyakkan lagi zakat, infaq, sedekah dan jariah melalui agensi Zakat Pulau Pinang dan Wakaf Pulau Pinang yang berpusat di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Melalui kedua-dua agensi ini, kutipan dan agihan instrumen zakat dan wakaf dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efektif serta sampai kepada sasaran.

Rakyat Pulau Pinang yang saya kasihi sekalian,

13. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan kepada umat islam yang pulang ke kampung halaman agar sentiasa berhati-hati di jalan raya. Adalah lebih baik kita bersabar dan bertolak ansur ketika memandu kerana semua ingin pulang berhari raya dalam keadaan gembira dan selamat sampai ke destinasi.

14. Kepada mereka yang bertugas di Hari Raya, bekerjalah dengan penuh ikhlas, jalankan amanah yang diberikan dengan baik, serta niatkan supaya pekerjaan kita dikira sebagai ibadah, membantu orang ramai, dengan tujuan maslahat kebaikan kepada masyarakat dan negara.

15. Akhir kata, saya dan Toh Puan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*